



131 KESALAHAN PERINTAH TEMBAKAU 2005 DICATIT BAGI BULAN JUN, JULAI & OGOS 2018

1. Unit Penguatkuasaan Kesihatan, Kementerian Kesihatan telah mencatat sebanyak **131 kesalahan** Perintah Tembakau 2005 sepanjang bulan Jun, Julai dan Ogos 2018. Kesalahan yang dicatat adalah seperti berikut;
 - i. **121 kesalahan (92.4%)** di bawah Bab 14(2) Perintah Tembakau 2005 iaitu merokok dan *vaping* di tempat-tempat terlarang oleh mereka yang berumur 18 tahun ke atas; dan
 - ii. **10 kesalahan (7.6%)** di bawah Bab 10(1) Perintah Tembakau 2005 iaitu kesalahan menghisap produk tembakau/vape atau memiliki atau membeli produk tembakau/vape oleh mereka yang berumur di bawah 18 tahun.
2. Bagi kesalahan di bawah Bab 14(2) Perintah Tembakau 2005, 116 orang adalah pelaku kesalahan kali pertama dan dikenakan kompaun sebanyak BND300.00 seorang manakala 5 orang lagi adalah pelaku kesalahan kali kedua dan dikenakan kompaun sebanyak BND500.00. Kompaun sebanyak BND500.00 akan dikenakan ke atas mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Bab ini bagi kali ketiga dan berikutnya.
3. Antara tempat-tempat di mana kesalahan-kesalahan di bawah Bab ini sering ditemui ialah di kawasan kompleks membeli-belah dan kedai-kedai termasuk ruang tangganya, tandas, kaki lima atau laluan bangunan, letak kereta bawah tanah, kawasan lingkungan 6 meter dari garisan keliling bangunan tersebut; restoran-restoran yang menyediakan tempat makan bagi pelanggan di bahagian luar bangunan restoran atau bahagian kaki limanya; premis-premis kerajaan termasuk kawasan letak keretanya; premis pejabat-pejabat swasta; premis-premis sukan; bengkel kereta; kilang; kafe internet; tempat perhentian pengangkutan awam; dan tempat-tempat yang digunakan bagi maksud-maksud keagamaan.
4. Bagi kesalahan di bawah Bab 10(1) Perintah Tembakau 2005, 6 orang adalah pelaku kesalahan kali pertama dan diwajibkan untuk mendaftar dan menghadirkan diri di Klinik Berhenti Merokok di mana-mana Pusat Kesihatan yang tertentu untuk mengikuti Program Berhenti Merokok. Manakala 3 orang lagi adalah pelaku kesalahan kali kedua dan dikenakan kompaun sebanyak BND100.00 disamping pendaftaran wajib ke Klinik Berhenti Merokok sekali lagi. Seorang pelaku kesalahan juga telah didapati melakukan kesalahan kali ketiga dan dikenakan kompaun sebanyak BND300.00. Kompaun sebanyak BND300.00 akan dikenakan ke atas mana-mana orang yang berumur di bawah 18 tahun yang melakukan kesalahan di bawah Bab ini bagi kali ketiga.

5. Sebanyak 92% dari pesalah-pesalah Perintah Tembakau 2005 yang dinyatakan di atas adalah terdiri daripada golongan lelaki dan selebihnya iaitu 8% adalah dari golongan perempuan. Selain daripada itu, didapati juga 60% dari pesalah-pesalah Perintah ini adalah merupakan warga Negara Brunei Darussalam. Pesalah-pesalah Perintah yang terbanyak ialah mereka yang dalam perlingkungan umur antara 18 tahun hingga 30 tahun, iaitu 47% dari jumlah pesalah yang dicatit.
6. Kementerian Kesihatan menegaskan dan menyeru kepada semua rakyat dan penduduk di Negara ini supaya akan terus menghormati dan mematuhi perundangan Perintah Tembakau 2005 pada setiap masa. Antara tujuan utama perundangan ini digubal ialah untuk melindungi semua rakyat dan penduduk di Negara ini dari bahaya penggunaan produk-produk tembakau dan bahaya pendedahan kepada asapnya yang telah dikenalpasti menjadi penyebab penyakit-penyakit seperti kanser, penyakit jantung, strok, asma dikalangan kanak-kanak dan lain-lain penyakit.
7. Orang ramai adalah digalakkan untuk melaporkan kegiatan merokok di tempat-tempat awam yang telah diwartakan sebagai tempat larangan merokok/*vaping* termasuk premis-premis kerajaan kepada Unit Penguatkuasaan, Kementerian kesihatan di talian 2427095 (waktu pejabat sahaja) atau hotline 7192005 atau emel kepada health.enforcement@moh.gov.bn.

- T A M A T -

Rujukan : KK/PR/3

Tarikh : 17 Muharram 1440 / 27 September 2018